



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

FAKULTI REKABENTUK
DAN SENIBINA
فakولتي ريك بنتوق دان سني بيبا

Sensasi



<https://frsb.upm.edu.my/penerbitan>

ISSN 1985-4846

www.frsb.upm.edu.my

JANUARI 2026 | BIL:58

Pertanian • Inovasi • Kehidupan

RUANG KERJA DAN KESANNYA. SIRI : 2

page 4

UPM PERKASA KELESTARIAN SEKOLAH MELALUI
BENGKEL PERUNDINGAN KEBUN KOMUNITI

page 2

Copyright© 2024
Universiti Putra Malaysia Press
ISSN 1985-4846

Disclaimer

All rights reserved. No part of this book may be reproduced in any form without written permission from the publisher, except by a reviewer who wishes to quote brief passages in a review written for inclusion in magazines or newspapers.

SIDANG REDAKSI

Ketua Editor:

Profesor Gs. Dr. Mohd Johari Mohd Yusof
Dr. Sazrinee Zainal Abidin

Penulis / Penyumbang Bahan

Dr. Norazlina Abu Bakar
Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Shahrizal Dolah CiDe
Prof. Madya Ts. Dr. Hassan Hj. Alli
Ts. Mahmoud Bghdadi
Gs. Dr. Junainah Abu Kasim.
Dr. Mohd Fabian Hasna
Madiha Hailani
Dr. Sazrinee Zainal Abidin

Editor Berita:

Madiha Hailani

Editor Grafik:

Arizy Valentino Ramli
Mohd Ghazali Razak

Media Koordinator:

Uswah Hasanah Raza
Marini Abd. Kadir

Iayari Laman Sesawang:

<https://frsb.upm.edu.my/penerbitan>

Published by:

Universiti Putra Malaysia Press
43400 UPM, Serdang
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8946 8851/8429
Faxes: 03-8941 6172
Email: penerbit@putra.upm.edu.my

KANDUNGAN

01.

TINTA KATA DEKAN

ARTIKEL KEPAKARAN

02.

Jabatan Senibina

UPM PERKASA KELESTARIAN SEKOLAH MELALUI
BENGKEL PERUNDINGAN KEBUN KOMUNITI

04.

Jabatan Rekabentuk Perindustrian

RUANG KERJA DAN KESANNYA. SIRI : 2

BERITA

08.

PROGRAM INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE
MEETS ICE AND SNOW: A CULTURAL EXCHANGE
FOR INHERITANCE DI HARBIN, WILAYAH
HEILONGJIANG, CHINA

14.

OFFICIAL LAUNCHING OF 1ST YEAR
ARCHITECTURAL EXHIBITION IN COLLABORATION
WITH PNB MERDEKA VENTURES

16.

"BANGUN DARI SUNYI"

20.

DARI BENDANG KE ARCA: GERBANG PADI
MEMBAWA EMAS BUAT FRSB

22.

FRSB LANCAR LAPAN PROGRAM BERSEMPENA
SAMBUTAN ULANGTAHUN KE- 30 PENUBUHAN
FAKULTI

26.

MAJLIS PERASMIAN IFAC MAKERSPACE DI FAKULTI
REKABENTUK DAN SENIBINA

28.

UPM PERKUKUH AGENDA INOVASI GLOBAL:
NAIB CANSELOR TANDATANGANI DUA BUKU
STRATEGIK INTERNATIONAL SEED SHOWCASE
SOKONG BLUEPRINT KETERJAMINAN MAKANAN
DAN INTEGRASI ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI)
DALAM REKAAN

KESS

32.

HAPPY BIRTHDAY STAF



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bismillahirrahmanirrahim

Azam Tahun Baharu 2026:

Ikhlas Berkhidmat, Seimbang Kehidupan

Tahun 2026 hadir sebagai lembaran baharu yang membuka ruang muhasabah dan pembaharuan diri. Setiap permulaan tahun membawa harapan agar kita menjadi insan yang lebih baik daripada semalam, bukan sahaja dari segi pencapaian kerja, malah dari sudut nilai dan keperibadian. Justeru, sematkan azam utama tahun ini untuk bekerja dengan lebih ikhlas, jujur dan amanah dalam setiap tanggungjawab yang dipikul.

Keikhlasan menjadikan tugas tidak terasa sebagai beban, sebaliknya sebagai ibadah dan peluang menyumbang. Kejujuran pula memastikan setiap keputusan dibuat dengan integriti, manakala amanah menuntut kita melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin walaupun tanpa pengawasan. Apabila nilai-nilai ini menjadi pegangan bersama, persekitaran kerja akan lebih harmoni, saling percaya dan berdaya maju.

Dalam konteks organisasi, setiap usaha kecil yang dilakukan secara konsisten akan membawa impak besar. Memberikan perkhidmatan yang cemerlang bukan sekadar memenuhi keperluan pelanggan dan rakan strategik, tetapi melangkaui jangkaan mereka. Dengan komitmen seluruh warga, FRSB mampu terus berkembang, meningkatkan reputasi serta kekal relevan dan berdaya saing sepanjang tahun 2026.

Namun kejayaan kerjaya tidak bermakna tanpa kesihatan diri yang terpelihara. Oleh itu, azam tahun baharu juga perlu menitikberatkan keseimbangan antara kerja dan gaya hidup sihat. Mengurus masa dengan baik, mengamalkan pemakanan seimbang, bersenam secara berkala dan menjaga kesihatan mental adalah asas kepada produktiviti berpanjangan. Tubuh yang sihat melahirkan minda yang cerdas, seterusnya menghasilkan kerja yang berkualiti.

Semoga tahun 2026 menjadi tahun kita bekerja dengan hati yang bersih, niat yang betul dan usaha yang bersungguh-sungguh sambil memastikan kesejahteraan diri sentiasa terpelihara. Dengan gabungan nilai murni dan kehidupan seimbang, kita mampu melangkah lebih jauh bersama, memacu FRSB ke arah kejayaan yang lebih gemilang.

UPM PERKASA KELESTARIAN SEKOLAH MELALUI BENGKEL PERUNDINGAN KEBUN KOMUNITI

Dr. Nor Azlina Abu Bakar

Universiti Putra Malaysia (UPM), melalui Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB), terus memperkukuh peranan universiti dalam pemindahan ilmu dan khidmat komuniti menerusi penganjuran **Bengkel Perundingan Projek Landskap dan Kebun Komuniti** di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Bangi.

Bengkel ini merupakan salah satu inisiatif di bawah **Geran Komuniti KTGS@PTJ** yang diketuai oleh **Dr. Nor Azlina Abu Bakar**, pensyarah Fakulti Rekabentuk dan Senibina UPM. Program ini bertujuan menyediakan khidmat nasihat profesional kepada pihak sekolah dalam merancang dan melaksanakan kebun komuniti serta landskap sekolah yang lebih terancang, berfungsi dan lestari.



Gambarajah 1: Encik Bunawan sedang menunjukkan sesi demonstrasi pengendalian, penanaman dan penjagaan pokok.

Pemindahan Ilmu Berasaskan Kepakaran Akademik

Pelaksanaan bengkel ini menjadi platform pemindahan ilmu berasaskan kepakaran akademik UPM kepada komuniti sekolah. Melalui sesi taklimat dan perbincangan interaktif, guru-guru dan kakitangan sekolah diberikan pendedahan berkaitan prinsip asas landskap, pemilihan tanaman yang sesuai, serta kaedah penjagaan dan penyelenggaraan kebun komuniti dalam persekitaran sekolah.

Bengkel ini turut menampilkan **Encik Bunawan Hj. Samuri**, Penolong Pegawai Pertanian dari Jabatan Senibina Landskap, FRSB, sebagai penceramah jemputan yang berkongsi pengalaman dan pengetahuan praktikal berkaitan pengurusan kebun komuniti, khususnya dalam konteks penglibatan warga sekolah secara berterusan.

Pendekatan Holistik dan Berimpak Tinggi

Selain aspek perancangan dan perundingan, bengkel ini turut merangkumi aktiviti fizikal berbentuk **kerja mengecat kawasan yang telah dikenal pasti** bagi kebun komuniti dan landskap sekolah. Aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan nilai estetika persekitaran sekolah, malah mencerminkan pendekatan holistik yang menggabungkan aspek fungsi, visual dan penglibatan komuniti.

Pendekatan ini selari dengan hasrat UPM untuk melahirkan projek khidmat komuniti yang bukan sekadar berimpak jangka pendek, tetapi berpotensi memberi manfaat berpanjangan kepada penerima.

Pelaksanaan bengkel ini telah memberi impak positif dari segi peningkatan kefahaman, kesedaran dan keupayaan pihak sekolah dalam mengurus projek kebun komuniti secara lebih sistematik. Di samping itu, kerjasama erat antara universiti dan sekolah telah membuka ruang kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran berasaskan alam sekitar dan kelestarian.

Menurut Dr. Nor Azlina Abu Bakar, inisiatif seperti ini membuktikan peranan universiti bukan sahaja sebagai pusat ilmu, tetapi juga sebagai rakan strategik kepada komuniti dalam membangunkan persekitaran yang lebih sejahtera dan mampan.

Ke Arah Kelestarian dan Kerjasama Berterusan

Bengkel Perundingan Projek Landskap dan Kebun Komuniti ini diharapkan menjadi titik permulaan kepada pelaksanaan projek yang lebih tersusun dan berterusan. FRSB, UPM komited untuk terus memperluaskan kerjasama strategik dengan pihak sekolah, komuniti dan agensi berkaitan bagi menyokong agenda kelestarian, pendidikan dan kesejahteraan masyarakat.



Gambarajah 2: Para peserta yang terdiri dari guru dan pekerja kebersihan sekolah bersama En. Bunawan (tengah berbaju hijau), Dr Azlina (lima dari kanan), Dr Mohd

RUANG KERJA DAN KESANNYA. SIRI : 2

Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Shahrizal Dolah CiDe

Pada sensasi sebelumnya penulis ada menulis artikel bertajuk Ruang Kerja dan Kesannya pada Mac 2024. Berikut adalah kesinambungan penulisan. Penulis akan menerangkan secara lebih jelas kesan daripada WFH terhadap nilai hidup manusia yang berkait rapat dengan pendekatan Planetary Health UPM. Konsep *planetary health* UPM bukan hanya alam sekitar semata, tetapi kesihatan manusia, alam sekitar dan sistem sosial berhubung rapat. Oleh itu menjaga kesejahteraan tempat kerja (termasuk ergonomik),

adalah sebahagian daripada gambaran yang lebih besar untuk membentuk generasi yang sihat dan lestari

"VIRTUAL OFFICE" (terma yang penulis gunakan pada thn 2008-2009) adalah WORK FROM HOME (WFH) atau BEKERJA DI RUMAH (BDR) akhirnya menjadi kenyataan dan telah berlaku sekarang (2020-2022). Dapatan awalan kajian yg telah di lakukan oleh penulis semasa di UK sekitar tahun 2009-2010". Shahrizal: Sensasi 2024.



Bengkel Planetary Health UPM Disember 2025

Kesan WFH seperti yang telah diterangkan pada artikel Ruang Kerja dan Kesannya.

1. Terlebihi kerja (Overworking)

Bekerja tanpa mengira masa – pagi, petang, siang dan malam termasuk hari bekerja serta hujung minggu. Tiada sempadan jelas antara waktu kerja dan rehat, sehingga menjejaskan kesejahteraan fizikal dan mental. Isu terlebih kerja sering berlaku apabila sempadan antara waktu kerja dan kehidupan peribadi tidak jelas. Tanpa had masa yang jelas, pekerja cenderung bekerja dari pagi hingga ke malam, termasuk pada


hujung minggu. Arah kerja, mesej dan mesyuarat dalam talian boleh berlaku pada bila-bila masa, menyebabkan pekerja sentiasa berada dalam mood bekerja. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keseimbangan hidup, malah boleh membawa kepada keletihan melampau, tekanan emosi dan penurunan motivasi kerja dalam jangka panjang.



2. Tidak bekerja secara efektif

Kerja tidak berjalan lancar disebabkan terlalu banyak kekangan seperti sumber terhad, kemudahan tidak mencukupi atau masalah teknikal. Akibatnya, masa bekerja lebih banyak dihabiskan untuk berehat berbanding melaksanakan tugas. Komunikasi bersemuka berkurang, menyukarkan perbincangan spontan, kerja berpasukan dan pembinaan hubungan profesional. Kekangan seperti peralatan

kerja yang tidak lengkap, capaian internet yang lemah, persekitaran rumah yang tidak kondusif serta kekurangan sokongan teknikal menyukarkan pelaksanaan tugas. Akibatnya, produktiviti menurun dan sebahagian masa kerja dihabiskan tanpa hasil yang optimum, sekali gus menimbulkan persepsi negatif terhadap keberkesanan WFH.



3. Bekerja seperti biasa mengikut waktu ditetapkan

WFH berjalan dengan baik apabila pekerja mematuhi waktu kerja rasmi. Sesuai untuk individu yang berdisiplin, cekap mengurus masa serta bijak mengoptimumkan sumber kerja. WFH sebenarnya boleh berjalan seperti biasa sekiranya pekerja berdisiplin dan mematuhi waktu kerja yang telah ditetapkan. Pekerja yang pandai mengurus masa, merancang tugas dan menggunakan sumber dengan cekap mampu mengekalkan prestasi kerja yang baik walaupun tidak berada di pejabat. Namun, situasi ini tidak berlaku kepada semua pekerja dan sangat bergantung kepada sikap individu serta sokongan organisasi.



4. Dilema antara kerja rumah dan kerja pejabat

Berlaku terutamanya kepada pekerja wanita yang perlu mengimbangi tanggungjawab kerja dengan urusan rumah tangga, sekali gus menjejaskan fokus dan produktiviti. Wujud dilema antara kerja rumah dan kerja pejabat, terutamanya dalam kalangan pekerja wanita yang mempunyai tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu kepada anak-anak. Tanggungjawab mengurus rumah tangga, menjaga anak dan melaksanakan tugas pejabat secara serentak menyebabkan fokus terbahagi. Keadaan ini boleh menjejaskan kualiti kerja serta meningkatkan tekanan mental.



5. Arahan dan kawalan berlebihan (Command and Direct)

Sesetengah pihak pengurusan beranggapan pekerja yang bekerja dari rumah mempunyai lebih masa lapang, menyebabkan arahan dan mesyuarat diberikan pada bila-bila masa tanpa mengira waktu kerja rasmi. Pendekatan *command and direct* oleh pihak pengurusan turut menjadi cabaran. Anggapan bahawa pekerja di rumah sentiasa lapang menyebabkan arahan dan mesyuarat diberikan tanpa mengira waktu, sekali gus menambah beban kerja dan menjejaskan kesejahteraan pekerja. Kesimpulannya, tanpa garis panduan yang jelas, WFH boleh memberi lebih banyak keburukan berbanding kebaikan.



PROGRAM *INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE MEETS ICE AND SNOW: A CULTURAL EXCHANGE FOR INHERITANCE* DI HARBIN, WILAYAH HEILONGJIANG, CHINA

Prof. Madya Ts. Dr. Hassan Hj. Alli

HARBIN, 15 Disember 2025 – Seramai enam (6) orang pelajar daripada Program Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian, Jabatan Reka Bentuk Perindustrian, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, telah berlepas ke Harbin, Wilayah Heilongjiang, China dengan iringan Prof. Madya Ts. Dr. Hassan Hj. Alli bagi menyertai program *Intangible Cultural Heritage Meets Ice and Snow: A Cultural Exchange for Inheritance*.


Program pertukaran budaya ini berlangsung selama tujuh (7) hari, bermula pada 16 hingga 22 Disember 2025. Program ini merupakan jemputan rasmi daripada Heilongjiang University of Finance and Economics (HUFE) dan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada inisiatif kerjasama akademik di bawah Memorandum Persefahaman (MOU) antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan HUFE.



Gambar 1: Pelajar tiba di Heilongjiang University of Finance and Economics (HUFE)

Program *Intangible Cultural Heritage Meets Ice and Snow* yang dianjurkan oleh HUFE bertujuan mempromosikan interaksi budaya serta memberi peluang kepada pelajar antarabangsa, khususnya pelajar dari Malaysia, untuk merasai keunikan budaya China dan pengalaman alam semula jadi ais dan salji di Wilayah Heilongjiang. Melalui program ini, para pelajar

bukan sahaja didedahkan kepada pembelajaran secara teori, malah turut memperoleh pengalaman praktikal yang membolehkan mereka memahami secara langsung nilai estetika, kreativiti, dan sejarah yang terkandung dalam warisan budaya tidak ketara (ICH), di samping menghayati keindahan landskap bersalji di Timur Laut China.



Gambar 2: Program ice and snow di Harbin Sun Island snow expo

Dengan penggabungan pembelajaran kemahiran berkaitan Warisan Budaya Tidak Ketara (Intangible Cultural Heritage, ICH) dan pemerolehan persekitaran ais serta salji, program ini menawarkan pengalaman pembelajaran yang holistik dan bermakna kepada pelajar antarabangsa. Pendekatan ini bukan sahaja memperkayakan kefahaman budaya dan meningkatkan kesedaran antara budaya, malah menyediakan pengalaman pembelajaran asli dan langsung yang sukar diperoleh melalui pendidikan formal semata-mata. Antara aktiviti utama yang dijalankan termasuk bengkel kraftangan tradisional, demonstrasi seni dan budaya tempatan, serta lawatan ke tapak-tapak warisan bersalji. Aktiviti-aktiviti ini membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan

dalam konteks sebenar, sambil menggalakkan kreativiti, kerjasama, dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya. Program ini dimulakan dengan majlis perasmian yang telah disempurnakan oleh Profesor Yu Changfu, Presiden Heilongjiang University of Finance and Economics (HUFE), di samping penganugerahan gelaran Profesor Pelawat (Visiting Professor) kepada Prof. Madya Ts. Dr. Hassan Hj. Alli. Sepanjang program berlangsung, para peserta turut terlibat dalam pelbagai aktiviti berimpak tinggi, termasuk lawatan kampus (campus tour), pengalaman ICH seperti kaligrafi dan lukisan tradisional Cina, serta pengalaman sukan tradisional China, termasuk memanah dan aktiviti sukan lain.



Gambar 3: Malam kebudayaan dan bengkel lukisan tradisional Cina

Musim sejuk di Harbin, Wilayah Heilongjiang, China, terkenal dengan cuaca yang sangat sejuk dan salji tebal. Suhu pada musim ini lazimnya berada antara -10°C hingga -20°C , dan pada hari yang paling sejuk, boleh menjunam sehingga -30°C . Keadaan ais dan salji di Harbin bukan sahaja merupakan fenomena semula jadi, malah menjadi simbol budaya yang unik di Timur Laut China, mencerminkan identiti masyarakat setempat serta keunikan ekologi wilayah tersebut. Fenomena ini turut mempengaruhi gaya hidup dan aktiviti sosial penduduk, serta menjadi sumber inspirasi dalam bidang seni, reka bentuk, dan tradisi tempatan,

termasuk festival ais dan salji, seni ukiran ais, serta pelbagai permainan musim sejuk. Dalam konteks budaya, Warisan Budaya Tidak Ketara berperanan sebagai elemen teras dalam memelihara budaya tradisional China. ICH merangkumi pelbagai aspek seperti teknik seni, kraftangan, muzik, tarian, dan ritual yang diwarisi secara turun-temurun. Ia memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan nilai tradisi serta mengekalkan identiti budaya masyarakat China, terutamanya dalam menghadapi cabaran dan pengaruh globalisasi.



Gambar 3: Aktiviti di Volga Manor, sebuah pusat pelancongan ais dan salji yang popular di Harbin.

Para pelajar turut berpeluang bermalam di Volga Manor, sebuah kompleks pelancongan budaya bertemakan seni bina Rusia yang terletak di pinggir bandar Harbin dan terkenal sebagai salah satu destinasi musim sejuk ikonik di wilayah tersebut. Volga Manor menampilkan gabungan landskap semula jadi bersalji dengan seni bina klasik Rusia, termasuk bangunan kayu dan batu bergaya Eropah Timur, yang mewujudkan suasana unik serta berbeza daripada persekitaran bandar moden. Sepanjang penginapan di Volga Manor, para pelajar terlibat dalam pelbagai aktiviti ais dan salji, yang membolehkan mereka merasai secara langsung gaya hidup dan aktiviti musim sejuk masyarakat setempat. Pengalaman bermalam dalam persekitaran yang dilitupi salji ini bukan sahaja memberikan pendedahan kepada keadaan iklim dan

ekologi Timur Laut China, malah turut memperkayakan pemahaman pelajar terhadap hubungan antara alam semula jadi, budaya, dan reka bentuk persekitaran. Pengalaman ini turut diperkaya dengan jamuan makan malam berkonsepkan masakan Rusia, selari dengan latar sejarah dan pengaruh budaya Rusia di Harbin. Pendedahan kepada budaya makanan antarabangsa ini memberi nilai tambah kepada program, sekali gus menggalakkan kefahaman silang budaya serta memperluaskan perspektif pelajar terhadap kepelbagaian warisan budaya dalam konteks global. Keseluruhannya, penginapan dan aktiviti di Volga Manor telah menjadi komponen penting dalam pengalaman pembelajaran holistik pelajar sepanjang program ini.



CREATING ECONOMIC VALUE THROUGH DESIGN INNOVATION: *From Cultural Heritage to Commercialization*



by
Associate Professor
Dr. Hassan Ali
Lecturer, International Management



FAKULTI REKA BENTUK
DAN SENIBINA
FACULTY OF ARCHITECTURE
AND BUILDING

Agriculture + Innovation + Life
With Knowledge We Serve



Gambar 4: Perkongsian ilmu Bersama pelajar-pelajar HUFU

Di samping aktiviti praktikal dan lawatan, program ini turut menyelitkan sesi perkongsian ilmu melalui "academic talk" yang memberi fokus kepada peranan reka bentuk dalam meningkatkan nilai tambah produk. Sesi ini membolehkan para pelajar memahami bagaimana elemen-elemen reka bentuk seperti estetika, fungsi, inovasi, dan kebolehpasaran boleh meningkatkan daya tarikan, kualiti, dan keberkesanan komersial sesuatu produk. Selain itu, sesi ini memberikan peluang untuk perbincangan interaktif dengan pakar dan pensyarah tempatan, di mana pelajar dapat mengemukakan soalan, berkongsi idea, dan mendapatkan pandangan profesional tentang cabaran dan strategi reka bentuk dalam konteks global dan budaya tempatan. Pendekatan ini bertujuan untuk menggabungkan pemahaman teori dengan pengalaman praktikal, sekali gus memperkayakan pengetahuan pelajar tentang bagaimana reka bentuk bukan sahaja berfungsi sebagai seni, tetapi juga sebagai alat strategik dalam pembangunan produk dan peningkatan nilai ekonomi.

Majlis penutupan program telah disempurnakan oleh Presiden Heilongjiang University of Finance and Economics (HUFE), yang turut dihadiri oleh pihak

pengurusan tertinggi universiti, dekan-dekan fakulti, serta para pelajar HUFE. Majlis ini berlangsung dalam suasana formal namun mesra, yang menekankan penghargaan terhadap kerjasama antara universiti serta pencapaian pelajar sepanjang program pertukaran budaya. Sebagai sebahagian daripada majlis, semua pelajar yang menyertai program diberikan sijil penghargaan, sebagai pengiktirafan rasmi terhadap penglibatan aktif mereka dalam pelbagai aktiviti akademik, kebudayaan, dan praktikal sepanjang program berlangsung. Penyampaian sijil ini bukan sahaja menandakan tamatnya program, tetapi juga memberi peluang kepada pelajar untuk merakam pengalaman dan pencapaian mereka, memperkukuhkan jaringan antara pelajar antarabangsa, serta meningkatkan motivasi untuk terus mendalami bidang pengajian dan kefahaman budaya di peringkat global. Majlis ini turut menjadi platform bagi ucapan penutup, perkongsian pengalaman, dan refleksi mengenai pembelajaran yang diperoleh sepanjang program, menggabungkan elemen akademik, budaya, dan sosial, sekali gus meninggalkan kesan yang bermakna kepada semua peserta.



Gambar 5: Majlis penutupan program



OFFICIAL LAUNCHING OF 1ST YEAR ARCHITECTURAL EXHIBITION IN COLLABORATION WITH PNB MERDEKA VENTURES

Ts. Mahmoud Bghdadi

SRI SERDANG, 15th December 2025 - The Faculty of Design and Architecture (FRSB), Universiti Putra Malaysia, successfully held the Year 1 Architecture Student Works Exhibition, titled *Layers of Architecture: Identity in Texture and Form*, from 15 to 30 December 2025 at Gallery Serdang. Organised in collaboration with PNB Merdeka Ventures, the exhibition brought together conceptual projects, architectural drawings, and physical models developed throughout the semester. The event was led by the Year 1 teaching team—Ts. Mahmoud Bghdadi (Studio Coordinator), Dr. Noranita Mansor, Dr. Annisa Ummihusna, and En. Mohamad Redhuan Ramli—whose support, guidance, and supervision helped shape the students' creativity and confidence. The exhibition launched in the presence of faculty members, students, and invited industry partners, marking a proud milestone for the architecture programme.





Featuring diverse works that explored texture, identity, and spatial form, the showcase captured the growth of students transitioning from foundational exploration to independent design thinking. The exhibition reflected not only design output but the process behind it—late nights, trial and error, hands-on model making, and collaborative studio culture. The lecturers expressed deep pride in the students' achievements, noting that their dedication, persistence, and hard work culminated beautifully in the exhibition. The success of Layers of Architecture stands as a strong testament to the talent and potential of the next generation of architects at FRSB, UPM.



“BANGUN DARI SUNYI”

Gs. Dr. Junainah Abu Kasim.



Ruang ini pernah diam. Ia wujud, tetapi tidak benar-benar hadir. Dindingnya menanggung usia, lantainya menyimpan jejak yang semakin dilupakan. Tiada siapa yang salah kadangkala sesuatu ruang hanya menunggu waktu untuk difahami, bukan dipandang sepi.

IFAC (Idea Factory) yang ditubuhkan jiwanya secara rasmi pada 1 Februari 2025 bukan sekadar sebuah impian, tetapi satu kebangkitan. Empunya Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia, ia lahir daripada kesedaran bahawa ruang cipta tidak wajar terus sunyi tetapi hidup. IFAC menjadi medan

menyemai idea, inovasi, dan mengasah kemahiran teknologi pelajar agar yang terpendam kembali bernyawa, dan yang berpotensi diberi ruang untuk segar.

Malah, perjalanan ruang ini tidak bermula dengan pelan yang sempurna, tetapi dengan satu kepercayaan: bahawa ruang yang sunyi tidak semestinya mati. Ia hanya belum dipanggil untuk hidup. Justeru, proses menghidupkannya dilakukan perlahan-lahan tanpa gopoh, tanpa janji besar. Setiap perubahan dibuat dengan niat, setiap keputusan lahir daripada dialog dan pengamatan.



Di ruang yang suatu ketika dahulu sunyi dan berdebu, mereka datang bukan sekadar kosong jiwanya, tetapi harapan. IFAC yang pernah lesu, perlahan-lahan disentuh oleh tangan-tangan yang tidak kenal lelah, mengangkat, membetulkan, mengecat, menyusun. Setiap hentakan tukul dan titisan peluh menjadi bahasa sunyi tentang komitmen dan kebersamaan.

Mereka bekerja bukan kerana arahan semata-mata, tetapi kerana percaya bahawa ruang juga mempunyai jiwa. Dinding yang pudar diberi warna baharu, lantai yang kosong diisi makna, dan cahaya kembali menari di siling yang lama terdiam. Di situ, IFAC mula bernafas kembali bukan sebagai ruang sepi bangunan, tetapi sebagai medan idea, kreativiti dan ekonomi kehidupan.



Usaha ini bukan kerja sehari, dan bukan sumbangan kecil. Ia adalah tanda kasih kepada institusi, manifestasi tanggungjawab kolektif, dan bukti bahawa semangat manusia mampu menghidupkan semula apa yang hampir dilupakan. IFAC kini bernyawa kembali, bukan kerana struktur yang diperbaharui semata-mata, tetapi kerana jiwa-jiwa yang menghidupkannya

Hari ini, IFac menjadi tempat pertemuan idea dan manusia. Pelajar berbincang dengan damai, mendengar ilmu dengan tenang, dan komuniti hadir tanpa rasa terasing. Di ruang ini, pembelajaran tidak ditentukan oleh tumpuan dan arah pandang susun aturnya, tetapi oleh keberanian untuk mencuba, berkongsi dan gagal bersama di dalam ruang yang sedang bangun jiwanya.

IFAC mengajar setiap jiwa di FRSB, bahawa membina tidak semestinya bermula dari kosong. Kadangkala, tugas sebenar seorang pemimpin adalah mendengar sunyi, lalu memberi ruang itu peluang untuk bangun sendiri. Daripada yang usang, lahir yang bermakna. Daripada yang diam, muncul kehidupan.

dan di situlah IFAC berdiri hari ini,

bukan sekadar ruang yang diberi jiwa,

tetapi sebagai ruang yang telah

"Bangun Dari Sunyi"



DARI BENDANG KE ARCA: GERBANG PADI MEMBAWA EMAS BUAT FRSB

Dr. Mohd Fabian Hasna

SUNGAI RAMBAI, 21 Disember 2025 - Bersempena Festival D'Bendang Sungai Rambai, Melaka 2025, sebuah festival komuniti yang meraikan landskap sawah, budaya padi dan kehidupan persawahan tradisional setempat, pasukan FRSB yang dinamakan Malinja, iaitu gabungan tenaga akademik dan staf sokongan telah mencatat kejayaan membanggakan apabila memenangi Anugerah Emas, membawa pulang RM1,500 berserta sijil pemenang. Festival ini bukan sahaja menjadi platform pemeliharaan budaya bendang, malah menghimpunkan penyertaan IPTA, IPTS dan komuniti setempat melalui seni, pameran dan aktiviti berteras tradisi.

Arca "Gerbang Padi: Ada Padi Masak, Adalah Pipit" diterjemahkan sebagai simbol ambang antara usaha dan hasil daripada menanam kepada menuai, daripada menunggu kepada menerima. Gerbang padi ditafsir sebagai pintu masuk ke ruang rezeki, manakala pohon-pohon padi melambangkan kesabaran, kitaran hidup dan kelangsungan. Kehadiran pipit pula menjadi tanda kehidupan yang berlegar di sekeliling kelimpahan.



Diperbuat sepenuhnya daripada jerami padi, arca ini mengangkat bahan sederhana menjadi bermakna, iaitu menonjolkan nilai yang lahir daripada hubungan, proses dan kebersamaan. Selari dengan roh

Festival D'Bendang, karya ini mengajak khalayak merenung makna rezeki, keseimbangan alam dan kebergantungan dalam satu ekosistem yang saling menyokong dari bendang ke komuniti.





FRSB LANCAR LAPAN PROGRAM BERSEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN KE- 30 PENUBUHAN FAKULTI

Madiha Hailani

SRI SERDANG, 14 Januari 2026 - Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB), Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini secara rasminya melancarkan Sambutan Ulang Tahun Ke-30 fakulti tersebut dalam satu majlis penuh bermakna yang menghimpunkan barisan pengurusan universiti, warga fakulti, alumni, rakan industri serta para pelajar.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Profesor Ir. Dr. B.T. Hang Tuah Baharudin.







Sambutan ulang tahun ke-30 FRSB tahun ini membawa tema "Imbauan Masa Lalu, Raikan Masa Kini, Membentuk Masa Depan", yang mencerminkan perjalanan fakulti yang utuh dan berterusan merentasi generasi.



Majlis pelancaran ini menandakan permulaan kepada enam bulan sambutan ulang tahun ke-30 FRSB, yang akan dipenuhi dengan lapan program istimewa berteraskan penghayatan sejarah, pengukuhan jaringan serta pemerkasaan kreativiti dan inovasi.



Setiap program dirancang bukan sahaja untuk menghargai pencapaian lalu, malah bertujuan menyuntik semangat dan inspirasi kepada generasi masa kini bagi meneruskan legasi kecemerlangan

FRSB. Sambutan ini dijadualkan mencapai kemuncaknya pada 26 Jun 2026, selari dengan tarikh penubuhan fakulti.







MAJLIS PERASMIAN IFAC MAKERSPACE DI FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA

Madiha Hailani

SRI SERDANG, 29 Januari 2026 – Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini melakar satu lagi pencapaian penting dengan perasmian IFac Makerspace di Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB), sebuah ruang inovasi yang menjadi pemangkin kepada pembangunan kreativiti, reka bentuk dan penyelidikan berimpak tinggi.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Profesor Ir. Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia dan dihadiri oleh pengurusan FRSB serta wakil-wakil industri.



Penubuhan IFac Makerspace mencerminkan komitmen FRSB dalam memperkukuh budaya inovasi berteraskan reka bentuk kreatif dan teknologi, selari dengan Pelan Strategik Fakulti serta aspirasi True North UPM yang menekankan penyelidikan berimpak tinggi, pemerksaan industri dan penerokaan teknologi mampan.

IFac Makerspace berfungsi sebagai platform strategik untuk mengintegrasikan reka bentuk kreatif dengan teknologi terkini, sekali gus menyokong pelaksanaan projek reka bentuk inovatif dan penyelidikan interdisiplin yang relevan dengan keperluan industri dan masyarakat.



Penubuhan kemudahan ini juga direalisasikan hasil sokongan padu pelbagai pihak, termasuk penaja dari dalam dan luar UPM, yang memainkan peranan penting dalam memperkukuh ekosistem inovasi universiti-industri.

Dengan penubuhan IFac Makerspace, UPM yakin lebih banyak penyelesaian pintar dan lestari dapat dibangunkan, seterusnya memperkukuh peranan universiti sebagai peneraju dalam bidang reka bentuk kreatif, teknologi dan inovasi negara.

YBhg. Dato' Profesor Ir. Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah turut berkesempatan untuk menurunkan tandatangan di atas penerbitan buku International SEED Showcase 2024 dan International SEED Showcase 2025.

International SEED Showcase merupakan sebuah pameran akademik antarabangsa yang mempamerkan projek tahun akhir pelajar Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian (Kepujian), Universiti Putra Malaysia, yang telah bermula sejak tahun 2015 dan dilaksanakan secara berterusan sehingga kini sebagai platform utama bagi menzahirkan kecemerlangan akademik, inovasi serta pemikiran reka bentuk pelajar.



UPM PERKUKUH AGENDA INOVASI GLOBAL: NAIB CANSOLOR TANDATANGANI DUA BUKU STRATEGIK INTERNATIONAL SEED SHOWCASE SOKONG BLUEPRINT KETERJAMINAN MAKANAN DAN INTEGRASI ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) DALAM REKAAN

Dr. Sazrinee Zainal Abidin

Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Jabatan Reka Bentuk Perindustrian, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina (FRSB) terus menegaskan kedudukannya sebagai peneraju inovasi global apabila melancarkan dua buku strategik berimpak tinggi sempena Majlis Perasmian IFac Makerspace FRSB. Majlis tersebut disempurnakan dengan tandatangan rasmi Naib Canselor UPM, YBhg. Dato' Profesor Ir. Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah, sebagai simbol komitmen kepimpinan universiti dalam memperkasa inovasi pelajar ke peringkat antarabangsa.

Dua penerbitan utama berkenaan ialah *Artificial Intelligence (AI) Aided Design for Inclusivity* dan *Designing for Food Security: Innovative PBL Solutions for Sustenance*. Kedua-duanya membuktikan keupayaan pelajar UPM menghasilkan inovasi berimpak tinggi serta menegaskan komitmen universiti dalam memartabatkan pendidikan reka bentuk sebagai pemangkin transformasi sosial dan pembangunan lestari yang menyokong keterjaminan makanan serta integrasi teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam rekaan.





AI Sebagai Pemangkin Reka Bentuk Inklusif dan Transformasi Digital

Diterbitkan sempena produk yang di pameran di *International SEED Showcase 2024*, buku *Artificial Intelligence (AI) Aided Design for Inclusivity* mengetengahkan bagaimana AI mentransformasikan reka bentuk perindustrian secara menyeluruh.

Melalui integrasi AI dalam keseluruhan proses reka bentuk daripada penjaan idea pintar, simulasi berasaskan data, analisis keperluan pengguna inklusif hingga pembangunan prototaip berketepatan tinggi pelajar berjaya menghasilkan penyelesaian reka bentuk yang mesra komuniti rentan dan responsif terhadap cabaran sosial semasa.

Penerbitan ini disunting oleh Dr. Rosalam Che Me, Dr. Sazrinee Zainal Abidin dan Profesor Madya Dr. Saiful Hasley Ramli dengan sokongan padu barisan pensyarah penyelia iaitu Nazlina Shaari, Hassan Alli, Khairul Manami Kamarudin, Velu A/L Perumal, Ahmad Rizal Abdul Rahman, Siti Mastura Md Ishak, Khairul Aidil Azlin Abd Rahman, Raja Ahmad Azmeer Raja Ahmad Effendi, Industri Saion, Shahrul Azman Shahbudin, Mohd Faiz Yahaya dan Mohd Shahrizal Dolah, bersama sumbangan aktif pelajar tahun akhir 2024.

Sinergi kepakaran akademik dan kreativiti pelajar ini membuktikan bahawa AI bukan sekadar alat teknologi, tetapi rakan strategik dalam membina reka bentuk inklusif berimpak global.



Menyokong Blueprint Keterjaminan Makanan dan Agenda SDG Global

Sementara itu, buku *Designing for Food Security: Innovative PBL Solutions for Sustenance* yang diterbitkan bersempena produk yang dipamerkan di *International SEED Showcase 2025* memberi fokus kepada isu keterjaminan makanan antara cabaran global paling kritikal abad ke-21.

Melalui pendekatan *Problem-Based Learning (PBL)*, pelajar meneroka empat dimensi utama keselamatan makanan iaitu ketersediaan, akses, penggunaan dan kestabilan. Antara inovasi yang diketengahkan termasuk unit pengedaran makanan mudah alih, sistem penyimpanan pintar, peranti bantuan untuk golongan rentan serta model pertanian komuniti lestari.

Penerbitan ini diterajui oleh Dr. Rosalam Che Me dan Dr. Sazrinee Zainal Abidin selaku editor utama dengan sokongan barisan ahli akademik yang terdiri daripada

Profesor Madya Dr. Saiful Hasley Ramli, Nazlina Shaari, Hassan Alli, Khairul Manami Kamarudin, Velu A/L Perumal, Ahmad Rizal Abdul Rahman, Siti Mastura Md Ishak, Khairul Aidil Azlin Abd Rahman, Raja Ahmad Azmeer Raja Ahmad Effendi, Industri Saion, Shahrul Azman Shahbudin, Mohd Faiz Yahaya, Mohd Shahrizal Dolah, Saiful Sazwan Mohd Rashid, Ahmad Fairuz Ariff, Nurhanisah Mohd Nawari, Zati Hazira Ismail, Jazmin Mohamad Jaafar dan Shahermy bin Halamy bersama penglibatan aktif pelajar tahun akhir 2025.

Buku ini tampil sebagai dokumen strategik yang memperkukuh aspirasi UPM sebagai peneraju inovasi agro-makanan dan kelestarian di peringkat nasional dan global.



Ekosistem Inovasi dan Jaringan Global


Pelancaran ini turut diperkukuh dengan peranan IFac Makerspace sebagai ekosistem inovasi berasaskan 3D printing dan *digital fabrication*. Melalui pendekatan *rapid prototyping*, pelajar berjaya mentransformasikan idea digital kepada prototaip fizikal berpotensi komersial, sekali gus merapatkan jurang antara akademik dan industri.

Sejak 2021, International SEED Showcase berkembang sebagai platform akademik antarabangsa berprestij yang mempamerkan kecemerlangan projek tahun akhir pelajar serta mempererat kolaborasi global. Edisi 2024 dan 2025 menyaksikan penglibatan enam universiti antarabangsa terkemuka iaitu Suan Sunandha Rajabhat University (SSRU), Thailand; Universiti Telkom, Bandung, Indonesia; Hubei Institute of Fine Arts, China; Petra Christian University, Indonesia;

Wenzao Ursuline University of Languages, Taiwan; dan Chengdu University, China.

Kolaborasi strategik ini mengukuhkan jaringan antarabangsa UPM dalam bidang reka bentuk dan inovasi serta membuktikan bahawa International SEED Showcase bukan sekadar pameran akademik, tetapi medan sinergi global yang memacu pertukaran idea dan inovasi merentas sempadan.

Secara keseluruhannya, kedua-dua penerbitan ini menjadi manifestasi jelas bahawa UPM komited melahirkan graduan berdaya saing global melalui reka bentuk inovatif, teknologi AI dan penyelesaian lestari yang memberi impak nyata kepada masyarakat serta masa depan negara.



HAPPY BIRTHDAY

Januari

- 1-Jan- **Nor Atiah Ismail (PM LAr. Dr.)**
- 2-Jan- **Velu a/l Perumal (PM Ts. Dr.)**
- 4-Jan- **Noor Azizi Mohd Ali (Dr.)**
- 11-Jan- **Nur Zulaikha Mohd Yaacob**
- 21-Jan- **Zati Hazira Ismail (Ts. Dr.)**
- 25-Jan- **Indastri Saion**
- 28-Jan- **Shahrul Azman Shahbudin (Ts.)**
- 30-Jan- **Shairatul Akma binti Roslan (Gs. Dr.)**



Pertanian • Inovasi • Kehidupan
Berilmu Berbakti



frsb.upm.edu.my

ISSN 1985-4846